

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YBHG. DATUK PROF. TS. DR. SHAHRIN SAHIB

@ SAHIBUDDIN

NAIB CANSELOR UiTM

Sempena

**MAJLIS PENGANUGERAHAN
ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI (AAU)
TAHUN 2022**

**04 JANUARI 2024 (KHAMIS)
WYNDHAM ACMAR**

Bismillahirrahmanirahim,

Terima Kasih kepada Pengacara Majlis

- **Yang Berbahagia Prof. Datin Dr. Suzana Sulaiman**
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- **Yang Berbahagia Prof. Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- **Yang Berbahagia Prof. Ts. Dr. Norazah Abd Rahman**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- **<>**
Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni)
- **Yang Berusaha Tuan Wan Hasmadi Wan Mohamed Bendahari UiTM**
- **Yang Berbahagia Prof. Dr. Haidar Dziauddin**
Penasihat Undang-Undang UiTM

- Barisan Penolong Naib Canselor ;
- Dekan – Dekan ;
- Rektor – Rektor ;
- Panel Penilai AAU 2022 ;
- Calon-calon AAU 2022 ;
- Serta seluruh Warga UiTM yang dhormati.

Salutasi – kemas kini berdasarkan kehadiran.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama dalam Majlis Penganugerahan Anugerah Akademik Universiti (AAU) UiTM bagi tahun 2022.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) kerana telah berjaya mengadakan Majlis Penganugerahan A.A.U Tahun 2022 ini. Saya difahamkan A.A.U kali ini merupakan kali kedua, yang mana majlis ini dijalankan secara bersendirian kerana prestij Anugerah Akademik Universiti ini yang bertujuan meraikan kecemerlangan para akademia UiTM. Tahniah diucapkan sekali lagi.

Para hadirin yang dihormati,

3. Untuk makluman, terdapat sebanyak **157** pencalonan yang diterima bagi keseluruhan **17** anugerah yang dipertandingkan pada kali ini. Saya merupakan salah seorang yang turut terlibat dalam penilaian calon-calon tersebut. Tidak dapat dinafikan, semuanya hebat-hebat belaka.

4. Tahniah saya ucapkan atas kecemerlangan yang ditunjukkan oleh para pensyarah tidak kira di kampus mana anda berkhidmat, sama ada di kampus Shah Alam, kampus Negeri Sembilan mahupun Sabah.

5. Satu mesej yang jelas menunjukkan bahawa kita benar-benar mempunyai *talent pool* yang luas dan besar untuk menggapai kecemerlangan berganda seiring dengan aspirasi universiti ke arah GRU2025.

6. Melalui platform AAU, kita berupaya menilai kebolehan dan keupayaan para ahli akademik kita mengikut aspek-aspek penting yang telah menjadi tunjang utama kepada penganjuran Anugerah Akademik Universiti. Tambahan, melalui AAU juga, kita boleh menitipkan DNA UiTM, yang mana perlu menjadi aulawiyat dalam memberikan nilai akal budi terhadap penghayatan Usaha, Taqwa, Mulia sebagai warga UiTM.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Seperti yang semua sedia maklum, menjadi amalan kita saban tahun untuk mengangkat nama-nama pemenang AAU ke peringkat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), sebagai calon bagi Anugerah Akademik Negara (AAN). Telah ramai yang kita calonkan ke peringkat AAN dan berjaya memenangi anugerah tersebut. Insya-Allah, pada kali ini, kita mengambil tindakan yang sama dengan penuh teliti

dan berstrategik agar nama baik UiTM dapat diangkat ke seluruh negara.

8. Setiap kecemerlangan dan kejayaan yang dicapai oleh para pensyarah UiTM, sekaligus akan melonjakkan aspirasi Universiti untuk menuju ke arah yang lebih dikenali (Recognize), dihormati (Respected) dan diteladani (Referred).

9. Pada masa yang sama, kita menyumbang peranan dalam meneruskan matlamat asal penubuhan UiTM sebagai sebuah universiti khusus untuk kaum Melayu dan Bumiputera yang diperkasakan dengan penyesuaian pengantaran ilmu yang menepati keperluan semasa.

10. Sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi TAHNIAH kepada semua yang terlibat dalam menjayakan AAU. Semoga segala yang kita telah usahakan mendapat rahmat daripada Allah SWT.

11. Dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' saya dengan ini merasmikan **Majlis Penganugerahan Anugerah Akademik Unversiti bagi Tahun 2022.**

Sekian.

**Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**